

- Sistem parol ialah sistem yang membolehkan banduan menjalani baki hukuman di luar penjara di bawah pengawasan pegawai parol dan tinggal bersama keluarga
- Sistem Parol di Malaysia dimulakan pada 2008 dengan matlamat memberi peluang kepada banduan menyesuaikan diri dengan masyarakat selepas menjalani hukuman penjara
- Mengikut sistem hukuman penjara, seseorang banduan layak mendapat remitan satu pertiga daripada jumlah hukuman jika Jabatan Penjara Malaysia berpuas hati dengan tahap pemulihan banduan berkenaan ketika menjalani hukuman penjara
- Pelaksanaan perintah parol pertama di Malaysia membabitkan seramai 64 orang banduan pada 26 Julai 2008
- Sehingga 14 Mac 2016, seramai 12,550 banduan telah dibenarkan menjalani parol di luar penjara

Perkara-perkara perlu dipatuhi oleh Mohamad Khir yang dibebaskan secara parol

- Mohamad Khir perlu melaporkan diri di pejabat Lembaga Parol di Klang, Selangor pada setiap minggu
- Mohamad Khir perlu mematuhi 27 syarat yang dikenakan selama tempoh parol. Antara syarat tersebut ialah:
 - Hanya dibenarkan berada di sekitar Shah Alam dan Petaling Jaya
 - Tidak boleh terlibat dengan apa-apa aktiviti yang melanggar undang-undang
 - Mesti berada di rumah antara pukul 7 malam hingga 7 pagi
 - Tidak dibenar mengeluarkan kenyataan kepada media atau menggunakan media sosial.

Mohamad Khir bebas bergerak di Petaling Jaya, Shah Alam

Jalani hukuman di sisi keluarga

PUTRAJAYA – Bekas Menteri Besar Selangor, Dr. Mohamad Khir Toyo yang dibebaskan secara parol kelmarin, boleh menjalani kehidupan seperti biasa bersama keluarga dan rakan-rakan.

Bagaimanapun, kebebasan Mohamad Khir itu mesti mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Parol Kementerian Dalam Negeri (KDN) seperti juga yang dikenakan ke atas banduan-banduan lain yang mendapat parol.

Ketua Setiausaha KDN, Datuk Seri Alwi Ibrahim berkata, Mohamad Khir diberi parol dengan menjalani baki hukuman penjara dua bulan di luar penjara sehingga tarikh pembebasan hukumannya pada 29 Mei depan.

Menurut beliau, mengikut sistem Jabatan Penjara Malaysia, setiap individu layak mendapat remitan iaitu satu pertiga daripada jumlah hukuman ke atas mereka sekiranya pihak penjara berpuas hati dengan tahap pemulihan yang dilalui di penjara.

“Dalam konteks Mohamad Khir, dia mendapat remitan empat bulan iaitu hanya menjalani hukuman penjara selama lapan bulan sehingga 29 Mei ini walaupun hukuman 12 bulan penjara yang dijatuhkan terhadapnya yang berkuat kuasa 29 September 2015 sepatutnya berakhir pada 28 September tahun ini,” kata beliau dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, pembebasan secara parol Mohamad Khir tertakluk kepada Perintah Parol Subsekyen 46H(3) Akta Penjara 1995 (Akta 537) yang menggariskan 27 syarat.

Antaranya, Mohamad Khir dikehendaki melaporkan diri kepada

“Dalam konteks Mohamad Khir, dia mendapat remitan empat bulan iaitu hanya menjalani hukuman penjara lapan bulan sehingga 29 Mei ini walaupun hukuman 12 bulan penjara yang dijatuhkan terhadapnya

ALWI IBRAHIM



ALWI

pegawai parol daerah Klang pada masa yang ditentukan dan menetap di alamat sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah Parol.

Mohamad Khir juga perlu mengikuti program pemulihan yang diadakan atau diarahkan serta tidak boleh meninggalkan daerah kebenaran pegawai parol serta tidak boleh meninggalkan Malaysia.

Alwi berkata, sistem parol dilaksanakan di Malaysia sejak 2008 bagi memberi peluang kepada banduan untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat setelah menjalani hukuman, dengan banduan yang layak boleh memohon untuk menjalani baki hukuman di luar



MOHAMAD KHIR (tengah) disambut ahli keluarga dan rakan-rakan sebaik dibebaskan secara parol kelmarin.



KERATAN Kosmo! semalam.

penjara.

Beliau menjelaskan, semua kesalahan membabitkan hukuman minimum satu tahun penjara layak memohon untuk diparolkkan kecuali kesalahan-kesalahan yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta Penjara 1995 (Akta 537) seperti berperang atau cubaan berperang dengan Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang Dipertua Negeri.

“Kesalahan lain yang tidak layak memohon parol ialah memberi atau mereka-reka keterangan palsu dengan niat hendak menyebabkan seseorang disabitkan atas kesalahan yang membawa hukuman mati, menyebabkan kematian, merogol dan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii,” kata beliau.

Sementara itu, Ketua Penga-

rah Penjara Malaysia, Komisioner Jeneral Datuk Seri Zulkiffi Omar berkata, sejak sistem pembebasan secara parol dilaksanakan, hanya segelintir banduan yang selesai menjalani hukuman secara sistem parol mengulangi jenayah dan masuk semula ke penjara.

Menurut beliau, lebih 90 peratus daripada mereka yang dibebaskan secara parol tinggal bersama keluarga namun bagi banduan yang tidak mempunyai keluarga atau tempat tinggal, mereka ditempatkan di Rumah Perantaraan Jabatan Penjara dan rumah-rumah yang disediakan oleh badan bukan kerajaan (NGO).

Mohamad Khir dijatuhkan hukuman penjara setahun selepas didapati bersalah atas pertuduhan menyalah guna kuasa sebagai penjawat awam bagi memperoleh dua lot tanah dan sebuah rumah di Shah Alam bernilai RM6.5 juta pada harga RM3.5 juta pada 2007 untuk dirinya dan isteri.

Sejak dibebaskan secara parol kelmarin, Mohamad Khir dipercayai tinggal di kediamannya di Shah Alam.